



KHAZANAH
NASIONAL



SIARAN MEDIA
Istanbul, 6 Julai 2022

Pelaburan Khazanah di Türkiye Bukti Hubungan Dua Hala dan Perdagangan Antara Malaysia dan Türkiye Terus Kukuh

Selari dengan strategi untuk memperluaskan kehadiran global dan rangkaianya, Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) akan terus meneroka peluang pelaburan baharu dan kerjasama di Türkiye untuk memperkuuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Türkiye.

Komitmen Khazanah untuk mengkalkan Turki sebagai destinasi pelaburan strategiknya dinyatakan semasa pertemuan antara wakil kanan daripada Khazanah dan Türkiye Wealth Fund (“TWF”) di Istanbul, semalam.

Khazanah adalah sebahagian daripada delegasi Malaysia ke Turki yang diketuai oleh Perdana Menteri, Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob, yang sedang dalam rangka lawatan rasmi 4-hari ke negara tersebut atas jemputan Presiden Türkiye, Recep Tayyip Erdogan.

Dato’ Sri Ismail Sabri, yang juga Pengurus Khazanah, telah mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan TWF yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarahnnya, Salim Arda Ermut, bagi membincangkan peluang pelaburan dan kerjasama yang dapat membawa manfaat kepada kedua-dua negara.

Turut hadir pada pertemuan tersebut Pengarah Eksekutif Perkhidmatan Korporat dan Sokongan Khazanah, Dato’ Mohamed Nasri Sallehuddin, Pengarah Pejabat Serantau Khazanah Turki (“KTRO”) Halil Ucarer Ahli Lembaga Pengarah TWF, Ahmet Burak Dağlıoğlu dan Ketua Pegawai Kewangan TWF, Mahmut Kayacık.

Khazanah telah sekian lama bertapak di Türkiye menerusi pelaburan oleh syarikat-syarikat pelaburan miliknya dalam pelbagai industri yang mencecah kira-kira USD2.7 bilion sejak 2008.

Antara pelaburan utama termasuk dalam Acibadem Healthcare Group, salah sebuah penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta terbesar Türkiye, menerusi IHH Healthcare Berhad, serta Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gökçen, salah sebuah lapangan terbang antarabangsa paling sibuk di Eropah, menerusi Malaysia Airports Holdings Berhad.

Pada 2013, Khazanah telah menujuhkan KTRO sebagai platform strategik bagi memperkembangkan dan mengukuhkan lagi pelaburan serantau, hubungan dengan sektor awam dan swasta serta hubungan perniagaan di Türkiye, Timur Tengah, Afrika, Asia Tengah dan Eropah.



KHAZANAH
NASIONAL



Ditubuhkan pada 2016, TWF adalah cabang pelaburan strategik dan penyedia penyelesaian ekuiti Türkiye. TWF adalah dana pembangunan yang disokong aset yang bertumpu kepada pertumbuhan syarikat bawah portfolionya melalui program penciptaan nilai, pelaburan dalam sektor utama dan projek berwawasan untuk terus membangunkan ekonomi Türkiye. Portfolio TWF terdiri daripada 27 buah syarikat yang terlibat dalam tujuh industri serta pelbagai aset hartanah.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sherliza Zaharudin di Tel: +603 2034 0000 atau e-mel di sherliza.zaharudin@khazanah.com.my

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk menyampaikan nilai mampan untuk rakyat Malaysia. Selaras dengan strategi jangka panjang *Memajukan Malaysia*, Khazanah menyasarkan untuk mencapai tujuannya dengan melabur dalam sektor pemangkin, mencipta nilai melalui pengawasan aktif, meningkatkan kehadiran globalnya, serta membina kapasiti dan komuniti yang bertenaga untuk manfaat rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, layari www.khazanah.com.my.